

Petikan Kuntum-Kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada

siapa yang meminatinya, silalah pula menyuntingnya.

Tak mungkin tertipu dua kali.

Pada suatu hari dalah¹ salah satu peperangan – Rasulullah (S.A.W) telah mengasingkan diri untuk berehat di bawah seponon kayu dengan meletakkan pedangnya di sisinya. Sedang baginda itu tengah berehat, tiba-tiba telah dilihat oleh sekumpulan musuh yang mengendapnya. Mereka telah menyuruh salah seorang dari mereka mendekati baginda untuk membinasakannya.

Setelah orang itu dekat kepada baginda lalu berkata: “Ya Muḥammad, benarkan pedang itu untuk ku lihat.” Baginda pun membenarkan pedangnya dilihat, dan orang itu telah membelek-beleknya dengan tangannya seketika. Setiap dia mencuba hendak membinasakan baginda dengan pedang yang ada di tangannya itu, Allah timpakan perasaan takut kedalam hatinya, sehingga ia tidak jadi meneruskan maksudnya, dengan hal yang demikian pedang itu pun dipulangkannya kepada baginda, lalu meninggalkannya untuk menemui teman-temannya. Sebaik-baik sahaja sampai, teman-temannya telah mencelanya dengan berkata: “Mengapa engkau membiarkan dia hidup?”

Dia menjawab: “Aku cuak kepadanya. Aku tak sangka dia mempunyai kehebatan yang begitu besar kuasanya.”

Mereka pun berkata: “Jangan takut! Baliklah engkau semula kepadanya. Engkau cuba meminta pedangnya sekali lagi. Bila telah engkau pegang pedang itu lekaslah engkau bunuh dia.”

Dia pun mengikut suruhan teman-temannya, dan sekali

lagi menemui Rasulullah (S.A.W) seraya berkata: “Ya Muḥammad! Ada sesuatu yang saya terlupa hendak memerhatikannya, benarkanlah sekali lagi pedangmu itu ku lihat.”

Seketika itu juga baginda memerintahkan sahabat-sahabatnya supaya menangkapnya. Ujar baginda: “Tangkap dia dan penggal lehernya.”

Orang itu pun berkata: “Ya Muḥammad! Tiadalah saya berniat membinasakan tuan pada kali yang pertama, mengapa tuan berasa pula takut kepada saya pada kali yang kedua?”

Baginda menjawab: “Demi Allah! Jangan sampai hendaknya dikatakan oleh orang-orang nanti – yang berada di dekat Kaabah – bahawasanya engkau telah dapat memperdayakan Muḥammad. Ertinya: Orang Mukmin tak ada akan dipetuk dari sebuah liang dua kali.” Maka orang itu pun kemudiannya telah dihukum bunuh.

Dari semenjak itu kata-kata peribahasa Rasulullah itu telah dipakai orang, yang maksudnya; Tak mungkin seorang Mukmin akan tertipu sampai dua kali.

* * *

Ini Rahsia Kita Berdua.

Pada suatu hari Al-Ḥajjāj bin Yūsūf (salah seorang panglima perang yang terkenal kejam) telah mengasingkan

¹ Perkataan sebenarnya adalah dalam.

dirinya dari askar-askarnya di salah sebuah tempat dan bertemu dengan seorang Dusun Arab. Orang Dusun itu telah ditanya oleh Al-Ḥajjāj : “Hai kawan: ceritakanlah kepadaku bagaimana pekerti Al-Ḥajjāj?”

Orang Dusun: “Zalim, lagi kejam.”

Al-Ḥajjāj: “Mengapa tiada engkau adukan kepada Khalifah ‘Abdul Mālik bin Maruan?”

Orang Dusun: “Oh...dia lebih zalim dan lebih kejam.”

Sedang dia bercakap begitu, tiba-tiba askar Al-Ḥajjāj telah mendekati mereka berdua. Maka fahamlah dia, bahawa yang diajaknya bercakap itu sebenarnya adalah Al-Ḥajjāj sendiri, oleh itu ia pun mengubah sikapnya, lalu berkata dengan hormatnya: “Wahai tuanku! Ini tadi adalah rahsia kita berdua, saya harap janganlah hendaknya diketahui oleh seorang jua pun kecuali Allah.”

Mendengar itu, Al-Ḥajjāj tersenyum lebar, orang Dusun itu tiada dipengapa-apakan, lalu beredarlah dia dari sisinya.

* * *

Al-Ḥajjāj dengan orang yang makan kuih.

Ini ada lagi kisah tentang Al-Ḥajjāj. Pada suatu ketika, datang kepadanya seorang Dusun yang lain. Bersama-sama mereka ada orang ramai sedang dihidangkan makanan, dia pun ikut makan. Tak lama dihidangkan pula kuih-muih. Al-Ḥajjāj pun membenarkan orang Dusun itu mula menyuap sepotong kuih. Tiba-tiba dia memberi perintah: “Siapa makan kuih ini ku penggal lehernya.”

Orang ramai pun semuanya enggan untuk memakan

kuih itu, hanya yang tinggal orang Dusun itu sahaja yang sekejap memandang kepada Al-Ḥajjāj dan sekejap pula memandang kepada kuih itu lalu berkata: “Wahai tuanku! Saya berwasiat sekarang agar tuan hamba juga baik-baik akan anak-anak saya.” Kemudian dia pun tampil memakan kuih itu.

Melihat kelakuan orang Dusun yang mengelikan hati itu, Al-Ḥajjāj pun tertawa hingga menelentang, kemudian orang Dusun itu diberinya anugerah.

* * *

Dari kecil terinja-inja, hingga besar terbawa-bawa

Seorang lelaki telah memukul anaknya kerana dia mencuri barang kawan-kawannya. Anak itu sambil menangis telah bertanya kepada ayahnya: “Saya hanya mengambil barang yang begitu kecil, tetapi mengapa ayah telah menghukum saya dengan hukuman yang begitu besar?”

Dijawabnya: “Tidakkah engkau tahu? Kalau engkau tiada dihukum dari sekarang, semakin lama engkau semakin menjadi besar dengan bersifat yang begitu buruk lagi tercala, tentulah nanti kami akan susah untuk membetulkan kesalahanmu semasa besar. Ada peribahasa mengatakan “Dari kecil terinja-inja, sudah besar terbawa-bawa, jika mati jadi-jadian.” Tidakkah engkau tahu? Orang yang menjadi pencuri, perompak, pembunuh orang, asalnya dahulu kecil seperti engkau. Mereka itu tiada diberikan hukuman oleh penjaga-penjaga (ibubapa) mereka, maka itulah sebabnya mereka terbiasa dengan perbuatan yang sekeji itu.”

Tatkala anak itu mendengar kata-kata ayahnya, maka dia pun berlaku jujur dan jadilah ia orang yang dipimpin dengan mendapat petunjuk.

* * *

Ubat yang berhikmah untuk menghilangkan tamak

Kata *Ṣāhib al-Ḥikāyah*: Pada suatu hari saya berlayar ke sebuah negeri, untuk menemui seorang tabib ahli hikmah. Saya dapati ramai di rumahnya orang-orang meminta rawatannya. Saya pun salah seorang di antara mereka yang meminta ubat dan rawatannya.

Setelah sampai giliran saya menemuinya, saya berkata: “Tolonglah tuan ubatkan penyakit saya, mudah mudahan Allah merahmati tuan.” Dalam seketika tabib itu memperhatikan muka saya, kemudian dia berkata:

Ambillah olehmu akar-akar kepapaan, daun kesabaran, bersama-sama dengan bunga khusyuk dan tawaduk. Campurkan Semuanya ke dalam sebuah bejana yakin, tuangkan ke dalamnya air kehidupan, rebuslah dia di bawah nyala api kehidupan, kemudian saringlah dengan tapisan perhatian dengan penuh keredhaan. Sesudah itu campurkan dengan minuman tawakal, lalu ambillah dengan tapak tangan keampunan, selepas itu hendaklah engkau berkumur-kumur pula dengan air warak, dan peliharalah dirimu dari rasa haloba dan tamak. dengan izin Allah engkau akan sembuh dari penyakitmu.

Jangan memikirkan orang yang tak kita sukai

Jangan sekali-kali mencela untuk membalas dendam terhadap lawan-lawan kita, sebab apabila kita menyimpan dendam itu dalam hati, kita akan lebih banyak menderita daripada lawan-lawan kita. Lebih baik berbuat seperti yang dikatakan Oleh General Eisenhower: “Jangan membuang waktu barang seminit pun untuk memikirkan tentang orang-orang yang tidak kita sukai.”

BUKU2 RUMI:

a. Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC) Abd Rahman H. Said \$ 1.50
2. Tunas Baru I \$ 1.50
3. Tunas Baru I, III, IV \$ 1.50

4. Senang Bacha I dan II, Hassan Basri

b. Buku2 Bacaan Tambahan untok Sekolah

Rendah:

1. Kuching Hitam oleh A.H. Edrus \$ 0.30 sen
2. Peristewa Hari Sabtu 30 sen
3. Nabi Sulaiman dengan Semut 30 sen
4. Lutong Sakti I dan II 35 sen
5. Karun Dengan Hartanya 35 sen
6. Pekebuan yang Tama' 35 sen
7. Lembu Chantek 35 sen
8. Kesah Minangkabau 40 sen
9. Sutan Balun 40 sen
10. Puteri Balqis 45 sen
11. Pendudok Gua 50 sen
12. Sebab Harimau 50 sen
13. Cherita Burong Hantu 75 sen
14. Nakhoda Dengan Datok Perpatih 30 sen
15. Si-Buta 40 sen
16. Mimpi 35 sen
17. Si-Pengail 45 sen
18. Sulaiman Nujum 50 sen
19. Raja Ikan 50 sen
20. Mangga Hikmat 75 sen
21. Angsa dan Burong Merak 45 sen
22. Abu Hassan Ganjil \$ 1.00 sen
23. Ayam dan Musang 35 sen
24. Raja Bersiong (A. Ghani Abbas) 45 sen
25. Lang Dengan Ayam (Ira Mara) 30 sen
26. Ikan Puyu 40 sen
27. Semut Membalas Budi 35 sen
28. Katak Yang Hina 40 sen
29. Bangau Dengan Singa 35 sen
30. Badak Dengan Seladang 40 sen
31. Si-Amang Dengan Kaksasa 35 sen
32. Kijang Yang Cherdek 40 sen
33. Pertengkaran Bangau dengan Belibis 35 sen
34. Buaya dengan Landak 35 sen

Pesan kepada:—

QALAM

356/8 Geylang Road,

Singapura, 14.